

## Ilmu syariah.

Sebagaimana menurut Hamid Fahmy (1990), ilmu syariah adalah ilmu yang diambil daripada para am bia', bukan pengetahuan hasil dari kajian-kajian, eksperimen, taakulan dan sebagainya. Al-Ghazali mengklasifikasikannya kepada empat bahagian;

- a). Ilmu pokok (*Usul* ) yang terdiri daripada empat pengetahuan iaitu Al-Quran, al-Sunnah, ijma' ulama (kesepakatan ulama') dan perbandingan hukum oleh para ulama' (kias ).
- b). Cabang-cabang ilmu ( *Furu'* ) iaitu mengandungi kesemua perkara-perkara yang diambil dari sumber empat di atas. Ia merupakan pemahaman lanjutan terhadap apa yang telah diutarakan oleh sumber-sumber utama tersebut.. Secara amnya cabang-cabang ilmu ini adalah berkaitan dengan keputusan undang-undang iaitu ijtihad.
- c). Ilmu-ilmu linguistik ( *muqaddimat* ), iaitu ilmu-ilmu seperti ilmu bahasa dan tata bahasa (nahu), digunakan untuk memahami Al-Quran dan hadith. Ilmu berkaitan dengan penulisan ini penting kerana menyimpan bahan-bahan yang didengar adalah sesuatu yang mustahil.
- d). Ilmu pelengkap ( *mutammimat* ), iaitu berhubung dengan ilmu tentang al-Quran dan mengandungi tiga bahagian;
  - i) ilmu tajwid yang membicarakan lafaz-lafaz al-Quran seperti ilmu Qiraat dan makhraj huruf.
  - ii) Ilmu tafsir yang membicarakan tentang al-Quran.
  - iii) Ilmu hukum-hakam al-Quran seperti ayat nasakh dan ayat mansukh, ayat umum dan khusus, ilmu usul fiqh iaitu yang berhubung dengan prinsip undang-undang dan ilmu hadith.

### **3 . 2 Pengertian Kurikulum.**

Merujuk kepada kamus al-Marbawy dalam Muhamad Idris ( 1986 ), manhaj kurikulum bermakna jalan yang terang atau jalan terang yang dilalui oleh manusia dalam berbagai bidang kehidupannya.

Manakala dalam konteks pendidikan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Omar Muhammad (1979), kurikulum (manhaj) dimaksudkan sebagai jalan terang yang dilalui oleh pendidik bersama anak-anak didiknya. Ini bertujuan untuk mengembangkan pengetahuan, keterampilan dan sikap mereka. Sebagaimana juga menurut Hasan Langgulng (1995), kurikulum diertikan sebagai;

*"Kurikulum adalah sejumlah pengalaman, pendidikan, kebudayaan, social, kesukanan dan kesenian yang disediakan oleh sekolah bagi murid di dalam dan di luar sekolah dengan tujuan untuk menolong mereka untuk berkembang secara menyeluruh dalam segala aspek perkembangan dan merubah tingkahlaku mereka sesuai dengan tujuan pendidikan".*

Kurikulum juga didefinisikan sebagai meliputi segala pengalaman, aktiviti-aktiviti dan pengaruh-pengaruh yang diberikan kepada murid-murid, atau apa yang mereka temui di sekolah dan di bawah kelolaan sekolah. Ini adalah kerana semua itu memberi pengaruh kepada tingkahlaku mereka dan menyumbang kepada perkembangan yang menyeluruh dan saling lengkap-melengkapi.

Huraian di atas menggambarkan kurikulum bukan sahaja meliputi mata pelajaran dan pengalaman-pengalaman yang tersusun yang berlaku dalam kelas, tetapi juga meliputi semua kegiatan kebudayaan, kesenian, olahraga dan kegiatan social. Semua kegiatan ini

dilakukan oleh para pelajar di luar jadual waktu dan di luar kelas, selama mana ia di bawah kelolaan pihak sekolah.

Oleh yang demikian pendedahan pendidikan Islam khususnya dan amalan di luar bilik darjah, adalah satu usaha pengukuhan dan pengayaan ke arah kefahaman, kekreatifan dan perkembangan minda agar menjadi lebih berkesan. Sehubungan dengan itu kurikulum mempunyai empat unsur atau aspek utama, iaitu Asma Hasan Fahmi (1979);

- i) Tujuan pendidikan yang ingin dicapai oleh kurikulum tertentu.
- ii) Kandungannya, iaitu pengetahuan-pengetahuan, maklumat-maklumat, data, kegiatan-kegiatan dan pengalaman-pengalaman dari mana terbentuknya kurikulum tersebut.
- iii) Metode mengajar iaitu cara-cara mengajar dan bimbingan yang diikuti oleh murid-murid untuk mendorong mereka belajar dan menjuruskan mereka dikehendaki berdasarkan matlamat dan tujuan yang direncanakan.

Metode penilaian iaitu cara penilaian yang digunakan dalam mengukur dan menilai kurikulum. Di samping itu juga untuk menentukan tahap kejayaan yang dapat dicapai untuk meraih tujuan-tujuan yang telah direncanakan dalam kurikulum bagi proses pendidikan secara keseluruhannya

### **3.3 Pembahagian Kurikulum.**

Kurikulum sebagaimana menurut Imam Al-Ghazali terbahagi kepada dua bahagian;

- Pendidikan peringkat dasar (rendah).
- Pendidikan peringkat menengah (tinggi).

## 1. Pendidikan Peringkat Dasar (rendah)

Imam Al-Ghazali tidak begitu menjelaskan secara terperinci berkaitan kelas tertentu untuk sesuatu set kurikulum. Pengelasan ini adalah untuk melihat kategori mata pelajaran yang membentuk kurikulum untuk semua tahap pendidikan.

Al-Ghazali dalam Hamid Fahmi(1990), juga tidak menentukan secara terperinci umur kanak yang harus di beri pendidikan. Beliau hanya menjelaskan dengan menyebut peringkat *tamyiz* lagi. Sehubungan dengan itu juga beliau juga menjelaskan berapa lama kanak-kanak mesti disekolahkan.

Peringkat umur kanak-kanak merupakan peringkat yang mempunyai daya penyerapan maklumat dan meniru dengan pantas terhadap apa yang mereka lihat, dengar dan rasa. Oleh itu sudah semestinya pendidikan menggunakan metode contoh teladan sesuai dengan perlaksanaan prinsip-prinsip Islam. Program pendidikan mestilah bersepada sebaliknya tidak bersifat teoritis (berdasarkan teori semata-mata). A. Sadali (1987).

Al-Ghazali menggariskan kurikulum pada peringkat rendah (dasar) adalah berdasarkan al-Quran. Oleh yang demikian mata pelajaran yang perlu diajar ialah seperti berikut; Muhammad Athiyah (1970)

- Belajar mengenal huruf dan membaca.
- Belajar membaca al-Quran (serentak dengan yang pertama).
- Menulis beberapa ayat setiap hari dan menghafalnya.
- Mempelajari kata-kata, ucapan-ucapan dan cerita-cerita khalifah Al-Rasyidin. Ini termasuklah cerita-cerita nabi dan cerita yang berkaitan dengan keagungan Islam yang menekankan aspek akhlak, kemasyarakatan dan kejawaan.

Penjelasan Al-Ghazali menggambarkan bahawa beliau menekankan aspek pembelajaran al-Quran pada peringkat dasar. Setelah kanak-kanak melepas peringkat penghafalan dan pemahaman al-Quran, barulah mereka didedah kepada ilmu yang sesuai bakat, potensi dan kecenderungan yang ada dalam diri kanak-kanak tersebut.

Beliau menekankan pengajaran tentang al-Quran pada tahap ini adalah kerana al-Quran merupakan sendi pendidikan dalam semua bentuk mata pelajaran, sama ada dari sudut agama dan sebagainya yang akan membawa kepada kekuahan iama seseorang muslim.

Kaedah pembentukan kurikulum pada peringkat rendah sebegini rupa adalah bertujuan untuk melahirkan rasa kecintaan terhadap Ilahi di dalam pemikiran anak-anak. Di samping itu juga ia bertujuan untuk menanamkan akhlak atau sahsiah yang baik sesama manusia. Walaubagaimanapun keupayaan menulis dan membaca perlu dicapai dalam penyusunan kurikulum peringkat ini.

## 2. Peringkat Menengah Tinggi.

Pada peringkat ini penumpuan pengajaran diberikan kepada mereka yang mencapai umur baligh iaitu peringkat umur 15 – 17 tahun. Peringkat ini merupakan peringkat perkembangan dan peningkatan minda remaja. Sentiase timbul dalam diri remaja perasaan ingin tahu, memberontak dan sebagainya. Oleh itu para pelajar perlulah didedahkan tentang hakikat kebenaran dan nilai-nilai mutlak sebagaimana yang dijelaskan oleh ajaran agama.

Matlamat pendidikan di peringkat menengah ialah melanjutkan pendidikan yang telah dilaksanakan pada peringkat rendah. Pendidikan pada peringkat ini adalah untuk menyemai semangat bertanggungjawab dan berdikari. Di samping itu juga ia

menggunakan minda pelajar untuk bertindak bagi mengatasi sesuatu masalah secara rasional dan teliti.

Al-Ghazali tidak menentukan tempoh pengajian dan kelulusan pada peringkat ini. Ia hanya bergantung kepada pencapaian mereka dalam satu-satu mata pelajaran itu hingga tidak terdapat garis pemisah yang jelas di antara peringkat menengah dengan peringkat tinggi. Pada peringkat ini Al-Ghazali membahagikan mata pelajaran kepada dua kumpulan mata pelajaran; Al-Kilani (1985)

- Mata pelajaran *fardu ain* (*wajib*).

- Mata pelajaran *fardu kifayah* ( pilihan )

- Pengajian Mata Pelajaran *Fardu-Ain*.

Ilmu *fardu ain* bermaksud tugas yang wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam, seperti sembahyang, zakat dan sebagainya. Ilmu *fardu-ain* pula dibahagikan kepada ilmu;

- Ilmu *muamalah* iaitu ilmu yang dilakukan atau praktikal.
- Ilmu *mukasyafah* iaitu ilmu yang dikurniakan atau teorotikal.

Imam Al-Ghazali memberi keutamaan kepada ilmu fardu-ain kerana ia menekankan aspek menentukan tuntutan agama yang wajib. Perkara-perkara muamalah ini ditakrifkan ke atas setiap orang yang akil baligh dan berakal sahaja. Oleh itu para pelajar perlu mendalamai ilmu-ilmu ini untuk mendalamai Islam dengan sebaik-baiknya. Hamid Fahmy (1990 ).

Ilmu-ilmu muamalah pula mengandungi tiga perkara penting iaitu:

- Aqidah
- Amalan-amalan wajib.
- Perkara-perkara yang dilarang.

i) Aqidah.

Merupakan pengucapan dua kalimah syahadah dan memahami pengakuannya sebagai asas permulaan bagi muslim yang berakal dan baligh. Di samping itu juga kewajipan mempercayai kewujudan qada dan qadar Allah, syurga dan neraka, hidup sesudah mati dan sebagainya bagi menyempurnakan pengakuan keimanannya.

ii) Amalan-amalan wajib.

Sebagaimana menurut Hamid Zarkasyi ( 1990), selepas seseorang muslim mengucapkan syahadah, ia perlu mempelajari, memahami dan mengamalkan segala syariat Islam secara bersungguh-sungguh dan penuh keikhlasan. Di antara amalan-amalan wajib tersebut ialah;

- Amalan berwuduk dan sembahyang.
- Berkewajipan mempelajari dan melaksanakan ibadat puasa apabila datangnya bulan Ramadhan.
- Jika seseorang muslim itu mempunyai mempunyai harta yang melebihi keperluan hidup, berkewajipan pula ke atasnya mempelajari hukum berkaitan ibadat zakat.
- Mempelajari hukum-hukum haji apabila beliau telah mencukupi syarat-syaratnya iaitu dari sudut harta dan kemampuan.

iii) Perkara yang dilarang.

Perkara-perkara yang dilarang termasuklah dari sudut percakapan, penglihatan, pemakaian, pemakanan dan sebagainya. Sebagaimana menurut Yusuf Zaky (1978), diwajibkan ke atas seseorang muslim mempelajari tentang larangan mengenai riba jika masyarakatnya mengamalkan riba. Sebaliknya bagi orang buta tidak diwajibkan bagi seseorang mempelajari perkara-perkara larangan terhadap penglihatan. Dalam persoalan ini, kewajipan mempelajari sesuatu perkara larangan adalah berbeza mengikut keperluan keadaan individu.

Yusuf Zaky juga menjelaskan lagi tidak wajib bagi seseorang mempelajri perkara berkaitan dengan larangan dalam Islam jika ia tidak berkaitan dengan dirinya, sebaliknya seseorang itu wajib mempelajarinya sekiranya ia terlibat.

- Pengajian Mata Pelajaran Fardhu Kifayah.

Fardhu kifayah membawa maksud tanggungjawab tertentu yang wajib kepada semua umat Islam. Walaubagaimanapun sekiranya seseorang ataupun sekumpulan telah menunaikan tanggungjawab tersebut maka orang lain atau kumpulan lain tidak lagi wajib menunaikannya.

Al-Ghazali menjelaskan ilmu fardhu kifayah perlu dipelajari di peringkat tinggi, memandangkan ia penting untuk keperluan dan kemaslahatan masyarakat. Diantara bidang dalam fardhu kifayah sebagaimana menurut beliau ialah ilmu perubatan, pertanian, matematik, perindustrian, metamatik, pakaian dan sebagainya.

Walaubagaimanapun menurut S. Naquib Al-Attas (1992), sebahagian umat Islam telah meninggalkan pendidikan asas seorang muslim iaitu *fardhu-ain* sebaliknya terlalu menekankan kepada kemajuan *fardhu kifayah* semata-mata. Oleh itu lebih ramai cendekiawan muslim lebih cenderung kepada mengejar keduniaan kerana tidak ada keseimbangan diantara keseimbangan *fardhu-ain* dan *fardhu-kifayah*.

Dalam konteks pendidikan diantara fardhu kifayah dan fardhu-ain, Al-Ghazali telah membahagikannya kepada dua, iaitu;

- i) Ilmu syariah.
- ii) Ilmu bukan syariah.

## Ilmu syariah.

Sebagaimana menurut Hamid Fahmy (1990), ilmu syariah adalah ilmu yang diambil daripada para am bia', bukan pengetahuan hasil dari kajian-kajian, eksperimen, taakulan dan sebagainya. Al-Ghazali mengklasifikasikannya kepada empat bahagian;

- a). Ilmu pokok (*Usul* ) yang terdiri daripada empat pengetahuan iaitu Al-Quran, al-Sunnah, ijma' ulama (kesepakatan ulama') dan perbandingan hukum oleh para ulama' (kias ).
- b). Cabang-cabang ilmu ( *Furu'* ) iaitu mengandungi kesemua perkara-perkara yang diambil dari sumber empat di atas. Ia merupakan pemahaman lanjutan terhadap apa yang telah diutarakan oleh sumber-sumber utama tersebut.. Secara amnya cabang-cabang ilmu ini adalah berkaitan dengan keputusan undang-undang iaitu ijtihad.
- c). Ilmu-ilmu linguistik ( *muqaddimat* ), iaitu ilmu-ilmu seperti ilmu bahasa dan tata bahasa (nahu), digunakan untuk memahami Al-Quran dan hadith. Ilmu berkaitan dengan penulisan ini penting kerana menyimpan bahan-bahan yang didengar adalah sesuatu yang mustahil.
- d). Ilmu pelengkap ( *mutammimat* ), iaitu berhubung dengan ilmu tentang al-Quran dan mengandungi tiga bahagian;
  - i) ilmu tajwid yang membicarakan lafaz-lafaz al-Quran seperti ilmu Qiraat dan makhraj huruf.
  - ii) Ilmu tafsir yang membicarakan tentang al-Quran.
  - iii) Ilmu hukum-hakam al-Quran seperti ayat nasakh dan ayat mansukh, ayat umum dan khusus, ilmu usul fiqh iaitu yang berhubung dengan prinsip undang-undang dan ilmu hadith.

Ilmu Bukan Syariah.

Ia juga dikenali sebagai ilmu aqliyah, ia merupakan sumber-sumber utama dari pengetahuan bukan syariyah iaitu akal fikiran, eksperimen dan akulterasi (penyerapan unsur-unsur budaya asing).

Ilmu bukan syariah terbahagi kepada tiga iaitu;

i) Ilmu mahmud (baik).

Ilmu mahmud ialah ilmu yang ada hubungan dengan kepentingan urusan hidup dunia seperti ilmu perubatan, ilmu hisab, ilmu pendidikan, politik dan undang-undang. Ilmu perubatan dan ilmu hisab termasuk dalam fardu-kifayah, manakala ilmu-ilmu lain termasuk dalam ilmu fadhilat kerana ia boleh menambahkan kekuatan kemahiran seseorang.

ii) Ilmu mubah.

Merupakan kumpulan ilmu falsafah. Ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya ialah ilmu algebra dan ilmu hisab. Kedua-dua ilmu ini adalah diharuskan kerana ia tidak membawa kesesatan tetapi boleh mendorong kepada bidaah

Ilmu logika yang berkenaan dengan kajian tabie dan definisi bukti untuk menguatkan hujah dan pembuktian. Logika dan ilmu ketuhanan digabungkan dalam satu ilmu yang dipanggil teologi. Al-Ghazali berpendapat ialah ilmu yang mengandungi perdebatan dan penghujahan, namun ilmu ini tidak membawa kepada jalan akhirat.

Manakala yang terakhir ialah ilmu ketuhanan kerana ia merupakan ilmu yang menghuraikan sifat-sifat Allah s.w.t dan sebagainya.

Ilmu fizik juga tergolong dalam ilmu mubah. Ini adalah kerana, ia berkaitan dengan perkembangan sifat, unsur fizik yang berbeza, tabie dan perubahan yang berlaku ke atas mereka.

iii) Ilmu madzum (tidak baik)

Merupakan pengetahuan yang merugikan dan merosakkan manusia. Ilmu yang berkaitan adalah seperti ilmu sihir, menenung nasib, azimat dan ilmu yang mengelirukan. Zainuddin (1991).

Al-Ghazali menekankan bahawa ilmu-ilmu seumpama ini tidak boleh dimasukkan di dalam kurikulum sama sekali. Ini termasuklah ilmu ukiran patung dan lukisan kerana ia boleh menimbulkan keghairahan pada kebendaan dan tidak bernilai pada segi moral. Malah boleh mendatangkan pada perasaan kagum dan sikap terlalu memuja kepada material, seterusnya boleh mendorong kepada syirik.

Walaubagaimanapun sebagaimana menurut Wan Mohd Nor Daud (1991), ilmu walaupun salah dan palsu harus dituntut untuk melindungi masyarakat seluruhnya daripada terpengaruh dengan kepalsuan tersebut. Sehubungan dengan itu Ibn Hazm dalam Wan Mohd Nor lagi, astrologi walaupun bukan satu ilmu tetapi wajar dipelajari, hanya setelah seseorang mempunyai dasar yang kukuh dalam ilmu *fardu-ain*.

Penjelasan ilmu dan pembahagiannya menurut Al-Ghazali menggambarkan penekanan beliau bukan sahaja terhadap ilmu *fardu-ain*, malah ilmu *fardu kifayah*. Kesenimbungan kurikulum dalam kedua-dua bidang ilmu ini ditekankan diperingkat menengah. Beliau menitikberatkan pengajian bercorak keagamaan untuk menghindar akhlak para pelajar dan masyarakat dari unsur-unsur negatif dan tidak bermoral. Di samping itu tidak membelaikan pendidikan dengan ilmu-ilmu keduniaan untuk kegunaan dan kemasyarakatan manusia sejagat.

Menurut Wan Mohd Nor walupun Al-Ghazali tidak menyatakan istilah "Islamisasi Ilmu", beliau sebenarnya membenarkan untuk merealisasikan beberapa idea dan kaedah ilmu luar dengan ilmu Islam selama mana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Huraian Al-Ghazali ini jelas bahawa dalam mengejar dan menyerapkan pengetahuan baru atau moden dewasa ini, adalah harus disebatkan bagi memastikan umat Islam tidak ketinggalan.

Pengelasan hierarki ilmu kepada *fardhu ain* dan *fardhu kifayah* tidak boleh disifatkan sebagai satu manifestasi dualisme atau penduaan (pemisahan antara dua). Wan Mohd Nor Daud (1991). Pengeelasan ilmu kepada ilmu *fardhu ain* dan *fardhu kifayah* adalah sesuai dan praktikal kerana ia bukan sahaja memenuhi keperluan rohani, tetapi juga memenuhi tuntutan kehidupan dunia.

Ini agak berbeza sepertimana pendidikan yang bercorak liberal contohnya. Pendidikan yang bercorak moden atau Barat ini tidak mementingkan prinsip-prinsip atau dasar-dasar mutlak. Tajul Arifin Noordin. (1990). Ia lebih memfokuskan kepada pembinaan dan memperkembangkan potensi-potensi yang ada dalam diri setiap individu. Walaupun ia mampu untuk memperkembangkan potensi individu, tetapi lebih bersifat kebendaan yang meliputi aspek akal dan rasional, pancaindera dan sifst-sifst keindividuan. Manakala aspek-aspek kerohanian, ketuhanan dan akhlak tidak mendapat tempat utama. Sepertimana pemikiran John Dewey dalam pendidikan liberal, di mana tujuan pendidikan adalah untuk mencapai kekebalan dalam generasi muda bagi meneruskan warisan masyarakat.

Sehubungan dengan itu menurut Tajul Arifin lagi, terserlah dalam masyarakat Barat yang gagal membangunkan manusia, khususnya nilai-nilai kebaikan, akhlak, kerohanian dan ketuhanan.

Kesinambungan atau penduaan ilmu *fardhu ain* dan *fardhu kifayah* dalam Islam ini bertentangan dengan pendapat barat yang mengatakan ilmu itu sifatnya neutral ataupun berkecuali. Pandangan-pandangan ahli falsafah barat sendiri berbeza tentang konsep ilmu. Pada pandangan mereka, ajaran agama terkeluar daripada takrif ruang lingkup ilmu dan dianggap sebagai kepercayaan dan dugaan semata-mata. Wan Mohd Nor Daud (1991). Di mana mereka menolak pengalaman manusia yang konkret dan kejadian alam tabie dalam usaha untuk memahami hakikat kehidupan.

Pendidikan yang lebih terarah kepada pendidikan liberal, iaitu mengutamakan kepada minat individu menimbulakan beberapa masalah yang semakin ketara. Di antaranya ialah perpaduan negara dan perpaduan kaum, masalah tenaga mahir yang belum cukup khususnya dari segi kualiti; kurang motivasi, kurang daya usaha apatah lagi dalam sudut agama Islam sendiri, di mana sesetengah individu lebih lantang dari para ilmuan dari bidang agama. Tajul Arifin.(1990). Sebenarnya mereka terarah kepada hawa nafsu dan tidak mahu terikat dengan budaya, cara hidup dan identiti sempurna yang telah disediakan oleh Islam. Oleh itu perlu dilihat kembali sebahagian matlamat-matlamat, prinsip-prinsip pendidikan dan pengisianya yang diamalkan.

Perubahan kurikulum mungkin perlu dilaksanakan, termasuklah kurikulum yang sedia ada di Malaysia dewasa ini untuk disesuaikan dengan masalah-masalah yang timbul dan kehendak masyarakat melalui anjakan paradigma, di mana kandungan kurikulum bukan setakat menyampaikan pengetahuan, tetapi juga yang menekankan aspek afektif.